



**KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA**

**BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH BERASRAMA PENUH
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQ)

**PENGAMBILAN MURID
TINGKATAN 1 & TINGKATAN 4
KE SEKOLAH BERASRAMA PENUH (SBP)
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
AMBILAN 2020**

SOALAN-SOALAN LAZIM**1. Bagaimanakah cara untuk memohon ke SBP?**

- ✓ Permohonan kemasukan ke SBP boleh dibuat secara *on-line* sepenuhnya melalui laman sesawang berikut

✓	Permohonan ke Tingkatan 1 SBP www.sst1.moe.gov.my	Permohonan ke Tingkatan 4 SBP www.sst4.moe.gov.my
---	---	---

2. Siapakah yang boleh memohon?

- ✓ Murid **Tahun Enam 2019** yang bersekolah di **Sekolah Kebangsaan**.
- ✓ Murid **Tingkatan Tiga 2019** yang bersekolah di **Sekolah Kerajaan** atau **Sekolah Bantuan Kerajaan**.

3. Bolehkah murid Tingkatan Dua, Empat dan Lima memohon?

- ✓ SBP hanya menawarkan kemasukan ke Tingkatan Satu dan Empat sahaja.

4. Bilakah permohonan mula dibuka?

✓	Permohonan ke Tingkatan 1 SBP 27 Ogos 2019 hingga 27 September 2019	Permohonan ke Tingkatan 4 SBP 27 Ogos 2019 hingga 27 September 2019
---	---	---

5. Bolehkah permohonan dilakukan sebelum keputusan UPSR/PT3 diumumkan?

- ✓ Pemohon **boleh** memohon secara dalam talian dalam tempoh yang telah ditetapkan.

6. Bagaimana cara untuk akses sistem permohonan?

- ✓ Pemohon hanya perlu memasukkan nombor angka giliran UPSR/PT3 dan nombor mykid/mykad untuk mengakses sistem.

7. Sekiranya akses disekat, apa yang perlu dilakukan?

- ✓ Pemohon perlu merujuk pihak sekolah untuk mengemaskini maklumat dalam **Aplikasi Pangkalan Data Murid (APDM)**.
- ✓ Sebarang perubahan maklumat yang sedia tertera di dalam sistem permohonan bolehlah dibuat melalui APDM juga.

8. Apakah syarat pemilihan murid ke SBP?

- ✓ Pemilihan Murid Tingkatan 1:
 - Murid mestilah warganegara Malaysia.
 - Murid Sekolah Kebangsaan (SK)
 - Murid yang berada dalam set toleransi **Graf Toleransi UKSBP**
 - Murid cemerlang akademik
 - Murid aktif dalam kokurikulum.
- ✓ Pemilihan Murid Ke Tingkatan 4:
 - Murid mestilah warganegara Malaysia.
 - Murid bersekolah di Sekolah Kerajaan atau Sekolah Agama Bantuan Kerajaan.
 - Murid yang berada dalam set toleransi **Graf Toleransi UKSBP**
 - Murid cemerlang akademik (minimum Gred A bagi 6 mata pelajaran dan sekurang-kurangnya Gred C bagi mata pelajaran yang lain).
 - Murid lulus saringan/temuduga (hanya di KISAS).
 - Murid aktif dalam kokurikulum.

9. Kurikulum Bersepadu Tahfiz (TMUA - Tahfiz Model Ulul Albab):-

a) Bagaimana cara untuk memohon ke SBP yang menawarkan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (TMUA - Tahfiz Model Ulul Albab)?

- ✓ Calon masih perlu mengisi permohonan secara *online*.

b) Apakah syarat untuk terpilih ke SBP KBT (TMUA)?

- ✓ Calon yang memenuhi syarat-syarat pemilihan ke Tingkatan Satu dan memperoleh **Gred A** bagi Quran dan Jawi layak dipertimbangkan. Calon yang telah dikenalpasti ini akan dipanggil untuk **ditemuduga** selepas keputusan UPSR diumumkan.

10. Selepas cetakan, beberapa kesalahan maklumat didapati dalam permohonan. Apa yang perlu dilakukan?

- ✓ Pemohon masih boleh mengemaskini permohonan sehingga tarikh akhir tutup permohonan. **Tiada had** dalam proses kemaskini. Hanya cetakan terakhir pemohon yang diperakukan secara atas talian sebelum tarikh tutup permohonan akan dipertimbangkan sebagai permohonan yang sah.

11. Adakah pemohon perlu sertakan salinan sijil sebagai bukti mengesahkan penglibatan dalam Kokurikulum?

- ✓ Pemohon tidak perlu mengemukakan salinan sijil tersebut kepada BPSBP kerana maklumat penglibatan murid di dalam aktiviti Kokurikulum akan diselaraskan dengan Bahagian Sukan, Seni dan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia (BSSK, KPM).

12. Ujian Kemasukan Sekolah Berasrama Penuh (UKSBP):-

a) Apakah yang dimaksudkan dengan Ujian Kemasukan Sekolah Berasrama Penuh (UKSBP)?

- ✓ UKSBP adalah satu ujian saringan yang dilaksanakan kepada semua murid yang berjaya memohon sebagai salah satu syarat kemasukan ke SBP **Tingkatan Satu (1) dan Tingkatan 4 (Empat)**. UKSBP akan dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan. **Tiada ujian ulangan akan dilaksanakan** sekiranya pemohon gagal untuk menduduki ujian tersebut.

b) Apakah kesan UKSBP kepada peluang murid untuk ditawarkan ke SBP?

- ✓ Murid yang berjaya dalam UKSBP akan mempunyai peluang cerah untuk ke SBP.

c) Adakah murid yang tidak berjaya/tidak menduduki UKSBP masih berpeluang untuk ditawarkan ke SBP?

- ✓ Murid yang tidak mengambil/tidak menduduki UKSBP berkemungkinan akan dipertimbangkan untuk kemasukan ke SBP bagi ambilan berikutnya. Walau bagaimanapun keutamaan akan diberikan kepada murid yang telah menduduki UKSBP terlebih dahulu.

d) Bagaimanakah cara untuk menyemak keputusan kelayakan menduduki UKSBP?

- ✓ Semua murid yang telah membuat permohonan boleh menyemak tarikh, masa dan pusat UKSBP yang ditetapkan melalui laman sesawang (seperti perkara 1) pada **04 Oktober 2019** bagi **Tingkatan 1 (Satu)** dan pada **11 Oktober 2019** bagi **Tingkatan 4 (Empat)**.

e) Dimanakah dan bilakah UKSBP akan dijalankan?

- ✓ **UKSBP bagi Tingkatan 1 (Satu)** akan dijalankan secara serentak di semua pusat yang telah ditetapkan. Tarikh ujian adalah pada **14 hingga 18 Oktober 2019**
- ✓ **UKSBP bagi Tingkatan 4 (Empat)** pula akan dilaksanakan secara serentak di 69 pusat yang ditetapkan. Tarikh ujian adalah pada **21 hingga 24 Oktober 2019**

13. Bilakah keputusan pemilihan dan penempatan ke SBP dapat diketahui?

- ✓ Keputusan pemilihan dan penempatan ke Tingkatan Satu SBP diumumkan selewat-lewatnya **20 Disember 2019**.
- ✓ Keputusan pemilihan dan penempatan ke Tingkatan Empat SBP diumumkan selewat-lewatnya **14 Januari 2020**.

14. Adakah murid yang tidak memohon pada tarikh yang ditetapkan masih berpeluang ke SBP?

- ✓ Murid yang tidak membuat permohonan secara *online* dan terlepas memohon pada tarikh yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan dalam pemilihan walaupun telah membuat e-rayuan kerana tidak menduduki UKSBP

15. Bilakah e-Rayuan dibuka?

- ✓ e-Rayuan mula dibuka pada tarikh pengumuman keputusan ke SBP ambilan pertama.

16. Bagaimanakah mengisi permohonan e-Rayuan secara *online* dan cara menyemak e-Rayuan?

- ✓ Calon yang **telah membuat permohonan** dalam talian tetapi **Tidak Berjaya** dan calon yang **tidak pernah membuat permohonan** dalam talian tetapi ingin memohon:
 - Masuk ke laman sesawang: www.moe.gov.my
 - Klik semakan ke SBP Tingkatan 1 atau Tingkatan 4.
 - Masukkan angka giliran UPSR/PT3.
 - Masukkan maklumat yang diminta dalam ruangan catatan.
 - Klik pada e-rayuan.
 - Hantar.

17. Bolehkah pemohon yang gagal mendapat tempat menukar SBP pilihan apabila membuat e-Rayuan?

- ✓ Boleh. Walau bagaimanapun, penawaran bergantung kepada kekosongan tempat.

18. Bagaimanakah semakan keputusan ke SBP boleh dibuat?

- ✓ Semakan boleh dibuat melalui:
 - Laman sesawang KPM: www.moe.gov.my
 - Kaunter Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh, Kementerian Pendidikan Malaysia
 - Talian hotline BPSBP: 03-8321 7400

19. Apa yang perlu dibuat sekiranya murid berjaya mendapat tempat di SBP?

- ✓ Murid yang berjaya perlu mencetak surat tawaran dan lampiran yang disertakan.
- ✓ Kesemua lampiran perlu diisi dengan lengkap dan diserahkan kepada pihak sekolah semasa hari pendaftaran.
- ✓ Sekiranya maklumat tidak lengkap/tidak benar, pihak sekolah berhak untuk tidak mendaftarkan/menolak pendaftaran tersebut.

20. **Apabila semakan status keputusan permohonan ke SBP dilakukan, mesej yang tertera menyatakan rekod permohonan tiada dalam sistem. Mengapakah perkara ini berlaku?**
- ✓ Setiap permohonan perlu '**Klik**' Sah & Hantar supaya dapat disimpan di dalam sistem. Cetakan perlu dibuat sebagai rujukan pemohon.
21. **Adakah pertukaran tawaran antara SBP dibenarkan?**
- ✓ Tawaran ini adalah **muktamad**. Sebarang permohonan untuk bertukar ke Sekolah Berasrama Penuh lain **tidak akan dipertimbangkan**.
22. **Bolehkah murid menukar aliran?**
- ✓ Sebarang pertukaran aliran mata pelajaran yang ditawarkan **tidak akan dipertimbangkan**.
23. **Bilakah tarikh pendaftaran ke SBP?**
- ✓ Murid perlu mendaftar dalam masa **7 hari** dari tarikh yang dinyatakan dalam surat tawaran. Tawaran akan terbatal sekiranya murid tidak mendaftar dalam masa yang ditetapkan.
24. **Benarkah seorang murid hanya ditawarkan satu tempat sahaja sama ada SBP atau MRSM?**
- ✓ Tidak. Setiap calon boleh menerima tawaran kemasukan sama ada dari KPM atau MARA. Sekiranya pemohon mendapat dua tawaran dan mendaftar di MRSM, maka tawaran ke SBP adalah terbatal.

25. Apakah pakej mata pelajaran dan aliran yang ditawarkan di SBP?

a) Mata pelajaran yang ditawarkan kepada murid Tingkatan 1 (Satu) SBP adalah seperti berikut:

<u>SAINS</u>	<u>AGAMA</u>	<u>TAHFIZ MODEL ULUL</u>
<ul style="list-style-type: none"> • Bahasa Melayu • Bahasa Inggeris • Sejarah • Pendidikan Islam/ Pendidikan Moral • Matematik • Sains • Geografi • Asas Sains Komputer/ Rekabentuk Teknologi • Bahasa Antarabangsa: (*Pilihan: Bahasa Arab Komunikasi / Bahasa Jepun / Bahasa Perancis / Bahasa Jerman / Bahasa Cina Komunikasi / Bahasa Korea) 	<ul style="list-style-type: none"> • Bahasa Melayu • Bahasa Inggeris • Bahasa Arab • Sejarah • Pendidikan Islam • Matematik • Sains • Geografi • Asas Sains Komputer/ Rekabentuk Teknologi • Bahasa Antarabangsa: (*Pilihan: Bahasa Jepun / Bahasa Perancis / Bahasa Jerman / Bahasa Cina Komunikasi / Bahasa Korea) 	<p><u>ALBAB (TMUA)</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Bahasa Melayu • Bahasa Inggeris • Bahasa Arab • Sejarah • Pendidikan Islam • Matematik • Sains • Geografi • Asas Sains Komputer/ Rekabentuk Teknologi • Hifz Al-Quran • Maharat Al-Quran • Bahasa Antarabangsa: (*Pilihan: Bahasa Jepun / Bahasa Perancis / Bahasa Jerman / Bahasa Cina Komunikasi/ Bahasa Korea)

b) Pakej aliran mata pelajaran yang ditawarkan kepada murid Tingkatan 4 (Empat) SBP adalah seperti berikut:

<p style="text-align: center;"><u>SAINS TULEN</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Bahasa Melayu • Bahasa Inggeris • Sejarah • Pendidikan Islam/ Pendidikan Moral • Matematik • Matematik Tambahan • Fizik • Kimia • Biologi dan/atau tanpa • Mata pelajaran elektif (Bahasa Arab, Pend. Seni Visual, Prinsip Perakaunan) 	<p style="text-align: center;"><u>SAINS TULEN AGAMA</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Bahasa Melayu • Bahasa Inggeris • Sejarah • Matematik • Bahasa Arab • Matematik Tambahan • Fizik • Kimia • Biologi • Pendidikan Al-Quran dan Al-Sunnah • Pendidikan Syariah Islamiah
<p style="text-align: center;"><u>AGAMA IKHTISAS</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Bahasa Melayu • Bahasa Inggeris • Sejarah • Matematik • Sains • Bahasa Arab • Matematik Tambahan • Prinsip Perakaunan • Ekonomi • Pendidikan Al-Quran dan Al-Sunnah • Pendidikan Syariah Islamiah 	<p style="text-align: center;"><u>TAHFIZ-SAINS (TMUA)</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Bahasa Melayu • Bahasa Inggeris • Sejarah • Pendidikan Islam • Bahasa Arab • Matematik • Matematik Tambahan • Fizik • Kimia • Biologi • Hifz Al-Quran • Maharat Al-Quran

**Sektor Pembangunan Murid Dan Kepimpinan
Unit Pengambilan dan Kemasukan Murid SBP
Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh
Kementerian Pendidikan Malaysia**

Kemaskini: 20 Ogos 2019